

04 JUL 2001

PERDANA MENTERI LAWAT MELAKA PADA 16 DAN 17 JULAI

MELAKA, 4 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan dua hari ke Melaka pada 16 dan 17 Julai ini, kata Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata aturcara pertama Perdana Menteri ialah menghadiri jamuan malam bersama kira-kira 21,000 penduduk dan pemimpin di negeri ini di Dataran Sejarah, Ayer Keroh, dekat sini pada 16 Julai.

"Dr Mahathir dijadualkan berucap mengenai isu-isu semasa pada jamuan itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Keesokannya, Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Melaka.

Mohd Ali berkata Dr Mahathir seterusnya akan merasmikan pembukaan Kolej Perubatan Melaka-Manipal (MMMM) di Bukit Baru, di sini.

Kolej itu adalah kolej swasta pertama dan satu-satunya yang menawarkan pengajian tinggi bidang perubatan di Melaka. Kolej itu kini mempunyai 700 pelajar di kampusnya di sini dan di Manipal, India.

Mohd Ali berkata Dr Mahathir akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas perasmian itu.

-- BERNAMA

NO LAT